

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 1 MEI 2015 (JUMAAT)**

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|------------|---|---------------|
| 1. | MOSTI lancar Bazar Inovasi | Berita Harian |
| 2. | Hujan lebat landa semua negeri | Harian Metro |
| 3. | Amaran ribut petir sehingga lewat tengah hari | BERNAMA |
| 4. | Cloud seeding as dams dry up | The Star |

MOSTI lancar Bazar Inovasi

» Kementerian, SMECorp sasar 360 produk standard tinggi menjelang 2020

Oleh Nurhayati Abillah
nurhayatiabillah@bh.com.my

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (MOSTI) dengan kerjasama SME Corporation Malaysia (SME Corp) menyasarkan 360 produk berstandard tinggi menjelang tahun 2020 dalam usaha merencanakan aktiviti pengkomersialan produk berinovasi di negara ini.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah, berkata sasaran berkenaan mampu direalisasikan menerusi pelancaran Bazar Inovasi yang akan menentang produk inovasi tempatan ke pengetahuan umum, sekali gus menyediakan platform kepada pengusaha untuk mempromosikan produk mereka.

Katanya, bagi tahun ini sahaja, 12 produk yang dihasilkan menerusi geran yang disediakan MOSTI dikenal pasti mencapai standard tinggi dan berpotensi untuk dikomersialkan.

"Kementerian memperoleh peruntukan RM290 juta tahun ini bagi menjalankan pelbagai program memacu dan membangunkan aktiviti penyelidikan, pembangunan serta pengkomersialan.

"Justeru, kita sasar untuk meluluskan sekurang-kurangnya RM270 juta daripada keseluruhan peruntukan itu bagi melaksanakan kira-kira 200 projek," katanya



Dari kanan, Abu Bakar bersama Shaik Sulaiman dan Saifol pada **prapelancaran Bazar Inovasi dan Forum Pasaran Dinamik** bagi perusahaan idea kreatif dan inovatif di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO MIOR AZFAR MIOR KAMARULBAID/BH]

selepas prapelancaran Bazar Inovasi dan Forum Pasaran Dinamik bagi perusahaan idea kreatif dan inovatif di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp Malaysia, Saifol Bahri Shamlan dan Presiden MACRI, Datuk Shaik Sulaiman Ismail.

Platform sesuai

Abu Bakar berkata, Malaysia kekurangan pendedahan produk inovasi yang dihasilkan berikutan usahawan yang terbabit tidak mempunyai platform sesuai untuk mengenengahkan rekaan mereka ke peringkat umum.

"Justeru, pelancaran bazar berkenaan dengan kerjasama SME Corp Malaysia akan menyediakan platform kepada usahawan

berkenaan untuk mengkomersialkan produk mereka, sekali gus berpotensi untuk menembusi pasaran antarabangsa.

"Kerjasama dengan Persatuan Kreatif dan Inovasi Malaysia (MACRI) juga akan menjadikan Bazar Inovasi sebagai 'klinik inovasi' bagi produk yang dihasilkan di peringkat akar umbi dan masyarakat luar bandar yang mempunyai halangan untuk mempromosikan produk mereka ke peringkat umum," katanya.

Beliau berkata, kebanyakan inovasi yang dihasilkan terdiri daripada produk berasaskan ubat-ubatan dan farmasi, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta bioteknologi iaitu produk paling banyak dihasilkan.

Sementara itu, Saifol Bahri,

berkata, Bazar Inovasi itu juga menjadi satu ruang baharu kepada generasi muda untuk mengenengahkan rekaan inovasi mereka untuk dipromosikan ke peringkat lebih tinggi kerana platform itu turut menjadi penghubung bagi inovator kepada komuniti perniagaan.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) dan RMKe-10, MOSTI memperuntukkan masing-masing dana sejumlah RM2.89 bilion dan RM906 juta bagi menjalankan aktiviti memacu serta membangunkan aktiviti penyelidikan, pembangunan serta pengkomersialan di negara ini.

Peruntukan dana berkenaan antara lain bagi dana sains, dana prapengkomersialan, kajian dan penyelidikan pengkomersialan.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 23
TARIKH: 01 MEI 2015 (JUMAAT)

Hujan lebat landa semua negeri

Kuala Lumpur: Semua negeri kini mengalami hujan pada kadar taburan antara 9.4 hingga 464.6 milimeter (mm) sejak fenomena musim peralihan berlaku.

Pegawai Meteorologi Bahagian Khidmat Korporat dan Komersial, Jabatan Meteorologi (MetMalaysia), Ambun Dindang menjelaskan peralihan monsun meningkatkan pembentukan awan Kumulonimbus, sekali gus membantu merendahkan suhu.

"Kebanyakan semua negeri mula menerima hujan secara berperingkat sejak peralihan angin monsun dari Monsun Timur Laut kepada Monsun Barat Daya berlaku.

"Berdasarkan kajian modul berkomputer jabatan, hujan lebat dijangka melanda kebanyakan kawasan, khususnya di negeri pantai barat Semenanjung sehingga pertengahan Mei," katanya.

Katanya, negeri pantai barat Semenanjung iaitu Kedah, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Melaka menerima hujan lebat yang dijangka lebih kerap pada sebelah petang hingga awal malam.

"Kejadian ribut kencang juga akan berlaku di negeri itu berikutan kemasukan angin langkisau melalui daratan yang kebiasaan terjadi pada musim peralihan.

"Cuaca juga didapati akan jadi lebih lembap pada kebanyakan tempat serta menjangkakan paras empanan di kawasan masing-masing akan meningkat," katanya.

Menurut Ambun, selepas memasuki Monsun Barat Daya selepas Mei ini, negara akan mengalami cuaca sedikit kering serta taburan hujan yang berkurangan berbanding musim peralihan.



Amaran Ribut Petir Sehingga Lewat Tengah Hari

KUALA LUMPUR, 1 Mei (Bernama) -- Aktiviti ribut petir yang berlaku di perairan Sarawak (Kuching, Rejang, Mukah, Bintulu dan Miri) dijangka berterusan sehingga lewat Jumaat.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini berkata, keadaan ini mungkin menyebabkan angin kencang sehingga 50 kilometer sejam (kmph) dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dan berbahaya kepada bot-bot kecil.

Sementara itu, aktiviti ribut petir yang berlaku di perairan Reef South juga dijangka berterusan sehingga lewat tengah hari ini.

Keadaan itu mungkin menyebabkan angin kencang sehingga 50 kilometer sejam dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter serta berbahaya kepada bot-bot kecil.

-- BERNAMA